

Perutusan khas sempena sambutan Tahun Baharu 2021

# Lima keutamaan pemulihan negara pada 2021

Laksana strategi bersepadu pastikan Malaysia bangkit, pulih kesan wabak

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin menggariskan lima keutamaan akan dilaksanakan kerajaan pada tahun 2021 sebagai strategi bersepadu bagi memulihkan negara pasca COVID-19 sebaik dan secepat mungkin.

Ketika memperincikan langkah itu, Perdana Menteri berkata, keutamaan pertama adalah mempertingkatkan tahap kesihatan awam melalui perolehan bekalan vaksin COVID-19 dan melancarkan program vaksinasi di seluruh negara.

"Kedua, memperkukuh ekonomi prihatin rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi negara pasca COVID-19 melalui pelaksanaan Belanjawan 2021 serta Rancangan Malaysia Ke-12 (RM-Ke-12).

"Ketiga memastikan kestabilan politik dan kerajaan termasuk tadbir urus yang baik sebagai asas kepada pemulihan ekonomi yang mampan.

"Keempat, menjamin kedaulatan

negara terpelihara dan kedudukan Malaysia di persada antarabangsa diperhebat dan kelima, memperkukuh hubungan antara kaum serta agama dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu menentang sebarang ancaman," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi perutusan khas sempena sambutan Tahun Baharu 2021 bertemakan 'Bersemangat Melangkah ke Tahun Baharu 2021'.

Muhyiddin berkata, kerajaan akan berikhtiar untuk meningkatkan tahap kesihatan awam di negara ini berasaskan prinsip mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Perdana Menteri memberi jaminan, kerajaan akan memastikan bekalan vaksin yang berkesan, selamat dan mencukupi untuk sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat negara ini.

"Vaksin itu juga akan diberi secara percuma kepada rakyat melalui tiga fasa imunisasi dikendalikan Kementerian Kesihatan (KKM). Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan dilaksanakan KKM melalui tiga fasa, bermula seawal Februari 2021.

"Saya bersama petugas barisan hadapan akan menjadi antara orang terawal untuk menerima suntikan vaksin ini bagi membuktikan vaksin selamat dan berkesan. Insya-Allah," katanya.

Jelasnya, pencegahan awal adalah penting dan beliau turut me-

negaskan bahawa prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan perlu terus dipatuhi, bersesuaian dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan.

Menyentuh keutamaan kedua, Muhyiddin menjelaskan, bagi memperkukuh ekonomi prihatin rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi negara, Belanjawan 2021 telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen dengan peruntukan sebanyak RM322.5 bilion.

"Belanjawan terbesar dalam sejarah negara ini amat kritikal bagi memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

"Kerajaan akan terus membangunkan jaringan keselamatan sosial seperti bantuan tunai secara langsung seperti Bantuan Prihatin Rakyat, skim perlindungan insurans khusus B40 dan memperkukuh sistem kebajikan negara," katanya.

Beliau berkata, ia bertujuan memastikan nasib golongan rentan termasuk B40, warga emas dan orang kurang upaya sentiasa terbelak.

Katanya, kerajaan sedia mempertimbangkan suntikan fiskal strategik jika keadaan memerlukan, seperti mana pakej rangsangan ekonomi sebelum ini.

"Kerajaan akan membantu sedaya upaya untuk meringankan beban rakyat, membasmi kemiskinan dan meningkatkan kesejah-



Muhyiddin menyampaikan perutusan khas sempena sambutan Tahun Baharu 2021, malam tadi. (Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

teraan mereka.

"Apabila ekonomi rakyat kukuh, tentu lebih mudah untuk negara memacu pertumbuhan ekonomi pasca COVID-19.

"Kita tidak boleh leka dan alpa dengan kejayaan yang telah kita kecapai hari ini," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, pimpinan politik perlu menunjukkan sifat bertanggungjawab dan tidak mengambil tindakan yang boleh mengganggu gugat kestabilan politik negara.

Muhyiddin berkata, soal politik harus ditolak ke tepi dahulu pada ketika ini dan bersatu demi memelihara kebajikan rakyat.

"Kita perlu dan mesti bersama dalam mengharungi pandemik COVID-19 sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara.

"Rata-rata rakyat mahu semua ahli politik menggembeleng tenaga membantu rakyat dan tidak mencetuskan kemelut politik yang merugikan rakyat.

"Jutaan rakyat terjejas dengan pandemik ini, maka adalah lebih baik jika kita mempamerkan kematangan dalam berpolitik dan te-

rus memahami keluh kesah serta mendengar denyut nadi kemahuan rakyat," katanya.

Pada masa sama, Muhyiddin menegaskan yang kerajaan tidak akan sesekali berkompromi dalam soal kedaulatan negara.

Katanya, kerajaan juga akan terus memantau kadar jenayah, baik yang bersifat fizikal mahupun dalam talian seperti *scammer* yang semakin berleluasa kebelakangan ini.

"Semakin pintar sistem komunikasi, semakin pintar dan licik jenayah yang dirancang," katanya.

Muhyiddin berkata, dalam melangkah ke gerbang 2021, kerajaan memberi jaminan keselamatan negara dan rakyat Malaysia, sama ada secara fizikal mahupun maya akan sentiasa di bawah radar pemantauan agensi keselamatan negara.

Katanya, kawalan terhadap sempadan dan pintu masuk negara akan terus diperketatkan, manakala sebarang aktiviti pencerobohan atau penyeludupan tidak akan terlepas daripada tindakan tegas.